

8

SEJAUHMANAKAH SUMBANGAN PEMERINTAHAN INGGERIS KEPADA
PROSES PENYATUAN ORANG MELAYU SEBELUM TAHUN 1946

ANITA KOSMAN

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
1988

ARKIB

rb
fAC895
M22A599

KAJIAN PENYELIDIKAN UNTUK KURSUS HSM 411/8
DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH MALAYSIA

TAJUK

SEJAUHMANAKAH SUMBANGAN PEMERINTAHAN INGGERIS
KEPADA PROSES PENYATUAN ORANG MELAYU SEBELUM
TAHUN 1946

DISEDIAKAN OLEH

ANITA KOSNAN
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
7 MAC 1988



KANDUNGAN

1. Pengenalan 1 - 2
2. Latarbelakang Melayu sebelum Perang Dunia ke 2 3 - 5
3. Proses penyatuan politik orang Melayu di Malaya 6 - 22
4. Kesimpulan 23 - 24

"Untuk ibu ku Siti Rukiah Raden Bustam, ayah Kosnan Matori dan Arbain"

Pengenalan

Pada 1 Mac 1946 satu persidangan yang diwakili oleh persatuan-persatuan Melayu dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu termasuk Singapura telah diadakan di Kuala Lumpur. Hasil daripada persidangan itu maka lahirlah sebuah parti politik yang dinamakan United Malays National Organization (UMNO).¹ Menjelang bulan Mei 1946 UMNO telah menjadi parti politik yang mempunyai perlembagaan dan membolehkan cawangan-cawangan UMNO ditubuhkan di seluruh Malaya.² Dato Onn bin Jaafar telah dipilih menjadi presiden UMNO yang pertama. Seterusnya UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan penting dalam usaha mencapai kemerdekaan. Maka pada 31 Ogos 1957 secara rasmi Malaya telah mencapai kemerdekaan dan tamatlah kekuasaan Inggeris yang sudah bertapak sejak tahun 1786. Persoalan sama ada Malaya benar-benar telah merdeka dari kekuasaan penjajah selepas mencapai kemerdekaan adalah satu persoalan kontroversial dan tidak menjadi tumpuan dalam kajian ini.

Apa yang menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah untuk menganalisa proses penyatuan politik orang Melayu. Persoalan ini timbul kerana sebelum penubuhan UMNO tidak ada satu badan politik yang benar-benar mewakili seluruh masyarakat Melayu di Malaya. Pergerakan politik orang Melayu sebelum penubuhan UMNO adalah berpecah-belah di mana persatuan-persatuan Melayu wujud atas nama negeri atau daerah masing-masing. Mereka bergerak secara berasingan kerana ketika itu belum ada usaha untuk bersatu-padu tambahan pula setiap persatuan begitu kuat dengan semangat kedaerahan dan kenegerian. Maka dari sinilah timbulnya persoalan tentang bagaimana dan mengapa orang Melayu boleh bersatu-padu berganding bahu membentuk satu badan politik yang berasaskan 'nation'³ iaitu Melayu.

Perbincangan mengenai proses penyatuan politik orang Melayu akan meliputi aspek kesedaran politik (political awakening) dan semangat nasionalisme yang berasaskan kedaulatan bangsa. Sehubungan dengan perkara itu maka saya akan membincangkan tentang sejauh manakah peranan pemerintahan kolonial Inggeris membantu proses penyatuan orang Melayu khususnya pada tahun 1940an. Persoalan ini juga akan menyentuh tentang kuasa serta kedudukan raja-raja Melayu yang semakin lemah dalam arena politik di Malaya; peranan imigran asing; per-